

U B457 AAB
MAHATHIR R R R

KELANG, 26 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA MEREKA AKAN RUGI SEKIRANYA MENGUNDI PARTI-PARTI PEMBANGKANG PADA PILIHAN RAYA UMUM 2 DAN 3 OGOS.

INI KERANA PARI-PARTI PEMBANGKANG BERTANDING SEMATA-MATA UNTUK MENDAPAT KERUSI DAN TIDAK BERNIAT LANGSUNG UNTUK MENUBUHKAN KERAJAAN, KATANYA.

SEBAGAI CONTOHNYA, KATANYA DAP MELETAKKAN 61 CALON PARLIMEN DAN JIKA MEREKA MEMENANGI KESEMUA KERUSI ITUPUN, MASIH TIDAK BERUPAYA MENUBUHKAN KERAJAAN KERANA MAJORITI TERENDAH YANG DIPERLUKAN IALAH 89 KERUSI.

BEGITU JUGA DENGAN PAS YANG HANYA MELETAKKAN 84 CALON DAN MEREKA TIDAK MUNGKIN MEMENANGI KESEMUA KERUSI ITU APATAH LAGI UNTUK MENUBUHKAN KERAJAAN, KATA PERDANA MENTERI KETIKA MERASMIKAN JALAN KELANG-KUALA LANGAT BERTHARGA \$9 JUTA DI SINI.

JADI RAKYAT SEHARUSNYA TIDAK MENDENGAR ATAU MENERIMA JANJI KEDUA-DUA PARTI ITU KERANA KESEMUANYA TIDAK BERMAKNA DAN TIDAK MEMBERI FAEDAH KEPADA RAKYAT, KATANYA. -- LAGI.
1510MST 26 07 86

MAHATHIR 2 KELANG R R R

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR SEGALA JANJI DAN DAKYAH PARTI-PARTI PEMBANGKANG SEMATA-MATA BERTUJUAN SUPAYA RAKYAT MEMBENCI KERAJAAN BAGI MEMUDAHKAN MEREKA TERPILIH SEBAGAI WAKIL RAKYAT.

KELAKUAN WAKIL-WAKIL RAKYAT DARI PARTI-PARTI PEMBANGKANG PADA MASA-MASA LALU AMAT MENYEDIHKAN DAN SALAH SEORANG DARIPADA MEREKA TERPAKSA DIGANTUNG KEANGGOTAANNYA KERANA MENGELUARKAN KATA-KATA KESAT, KATANYA.

WAKIL RAKYAT YANG SAMA JUGA BERSIKAP LEBIH SEBAGAI PEGUAM DARIPADA BERTINDAK SEBAGAI WAKIL RAKYAT DAN INI JELAS DENGAN UGUTANNYA UNTUK MENGHALANG DIADAKAN PILIHAN RAYA BARU-BARU INI, KATANYA.

PERDANA MENTERI, YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional, berkata BN bertanding di ke semua 177 kerusi Parlimen kerana ia berkeupayaan menubuhkan kerajaan sebagaimana BN lakukan selepas setiap pilihan raya sejak merdeka.

Ketika merasmikan Sekolah Rendah Kebangsaan Damansara Jaya di Petaling Jaya kemudian, Datuk Seri Dr Mahathir mengulangi bahawa hanya kerajaan BN berupaya memajukan negara dan memberi kemakmuran kepada rakyat. -- LAGI.
1538MST 26 07 86

U B471 AAB
MAHATHIR 3 KELANG R R R

TIDAK SEPERTI PARTI-PARTI PEMBANGKANG, BN BERTANDING PADA PILIHAN RAYA UMUM INI SEMATA-MATA UNTUK BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT DAN SETIAP PEMBANGUNAN YANG DIRANCANG ADALAH BAGI FAEDAH RAKYAT DAN BUKAN UNTUK INDIVIDU-INDIVIDU TERTENTU DALAM KERAJAAN.

PERDANA MENTERI BERHARAP RAKYAT TIDAK AKAN MENGGADAIKAN KEBAHAGIAN, KEAMANAN, KESTABILAN DAN KEMAKMURAN YANG DINIKMATI SEKARANG DENGAN MENGUNDI PARTI-PARTI LAWAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA SEGALA-GALANYA ITU AKAN BERKECAI DENGAN MENGUNDI PEMBANGKANG KERANA MEREKA MENYERTAI PILIHAN RAYA HANYA BAGI KEPENTINGAN DIRI SENDIRI.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS PERASMIAN SEKOLAH, BELIAU BERKATA BN YAKIN MEMPEROLEHI MAJORITI DUA PERTIGA PADA PILIHAN RAYA UNTUK MEMBOLEHKANNYA MENUBUHKAN KERAJAAN YANG KUAT.

YANG TURUT MENGIRINGI PERDANA MENTERI DI KEDUA-DUA UPACARA IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI DAN MENTERI BESAR SELANGOR DATUK HAJI AHMAD RAZALI ALI. -- BERNAMA.
1548MST 26 07 86